



EDISI

الاجل

MAIS



www.mais.gov.my



JANGAN RACUNI UMMAH DENGAN FITNAH

Jangan Racuni Ummah dengan Fitnah

Ms 5

Wabak Alaf Baharu: Menangani Gejala Fitnah di Kalangan Remaja

Ms 7

Fitnah Merosakkan Minda

Ms 10

SEKILAS PANDANG

"Dalam era penyebaran maklumat tanpa sempadan, setiap individu hendaklah bertanggungjawab dalam menerima dan menyampaikan maklumat dengan mengamalkan tabayyun serta menjauhi segala bentuk fitnah dan penyebaran berita yang belum dipastikan kesahihan serta kebenarannya."

YBhg. Tuan Haji Mohd Sabirin bin Mohd Sarbini
Setiausaha MAIS

Hukum Hakam Memelihara Haiwan Kesayangan

Ms 21





RUKUN PUSAKA



1

SI MATI – Orang yang meninggal dunia dan diwarisi hartanya sama ada mati secara hakiki atau hukmi.



2

WARIS – Orang yang berhak menerima pusaka sama ada dengan sebab perkahwinan, keturunan, pembebasan hamba dan Islam.



3

HARTA – Segala apa yang menjadi kepunyaan si mati di masa hidupnya, kemudian ditinggalkan untuk waris-warisnya sama ada harta benda, hak-hak dan apa yang termasuk dalam miliknya setelah dia mati.

FAEDAH FARAIID



1

Tuntutan fardu kifayah kepada umat Islam supaya ilmu ini tidak dilupakan.



2

Mengelakkan waris atau sesiapa sahaja memakan harta secara haram.



3

Mendidik waris supaya tidak bersikap tamak haloba dan merampas hak orang lain.



4

Menghindarkan salah faham dan mengelakkan terputusnya hubungan silaturahim.



5

Menyegerakan agihan harta pusaka dan membuat perancangan harta semasa hidup.

3 SEBAB PERLU SEGERA URUS PUSAKA

- 1 Hutang si mati jelaskan
- 2 Elak waris makan harta haram
- 3 Waris tidak jatuh miskin

“ Semua harta yang ditinggalkan akan menjadi kepunyaan **WARIS-WARIS** ”

Info lanjut, layari : efaraid.mais.gov.my

“

Hadis daripada Abu Hurairah r.a.:

“Dan sesiapa yang meninggalkan harta maka ia adalah untuk warisnya”

(Riwayat al-Bukhari)

”



Majlis Agama Islam Selangor @mais_officialhq maisgovmy

www.mais.gov.my

IMBAS QR



Sidang Editorial
EDISI

PENASIHAT

YBhg. Tuan Haji Mohd Sabirin bin Mohd Sarbini

KETUA PENGARANG

Puan Hajah Noormala binti Mohd Sa'ad

PENGARANG

Encik Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozil

EDITOR

Puan Salawati binti Hamid

SUBEDITOR/PRUF

Encik Norzaili bin Taib

KOLUMNIS

Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid

YBrs. Dr. Haji Halim bin Mokhtar

Encik Mohd Hafiz bin Abdul Salam

Ustaz Hasal bin Senin

Encik Shahrul Effendy bin Md Saat

Puan Maryam binti Md Zin

Ustaz Mohamad Shukry bin Sulaiman

Ustaz Haji Mohammad Salleh bin Abdul Saha

Ustaz Haji Muhamad Rafee bin Rahman

Encik Muhammad Hafiz bin Bahari

Dengan Kerjasama:



RAJA BERPELEMBAGAAN LENGKAPI DEMOKRASI BERPARLIMEN



YAD Senator Dato' Setia Salehuddin Saidin
Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Pinsip Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen adalah sistem yang saling melengkapi dalam memastikan kestabilan pemerintahan, keseimbangan kuasa serta kepentingan rakyat terus terpelihara di Malaysia. Sistem yang diamalkan Malaysia itu membuktikan institusi raja bukan sekadar simbol atau formaliti sebaliknya mempunyai fungsi penting dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan negara.

Perlembagaan Persekutuan sendiri memperuntukkan bahawa kuasa eksekutif Persekutuan terletak pada Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua utama negara sebelum kuasa itu dijalankan oleh Jemaah Menteri dan Perdana Menteri mengikut peruntukan Perkara 39 Perlembagaan Persekutuan.

Ramai melihat peranan raja hanya bersifat formaliti, sedangkan Perlembagaan jelas menunjukkan institusi raja mempunyai tanggungjawab besar dalam memastikan perjalanan pentadbiran negara berjalan dengan baik dan lancar.

Konsep Demokrasi Berparlimen memberi ruang kepada rakyat memilih pemimpin melalui proses demokrasi manakala institusi raja pula bertindak sebagai badan semak dan imbang terhadap segala tindakan kerajaan. Peranan Sultan/Raja tidak terhad kepada pelantikan Perdana Menteri, Menteri Besar atau pembubaran Parlimen dan Dewan Undangan Negeri semata-mata sebaliknya turut melibatkan tanggungjawab menjaga perpaduan dan keharmonian rakyat dan kesejahteraan negara. Dalam perkara yang melibatkan kepentingan rakyat, perpaduan masyarakat dan kestabilan negara, suara serta nasihat Sultan/Raja amat penting supaya kerajaan sentiasa mengambil kira kebajikan rakyat dalam setiap dasar yang ditetapkan.

Walaupun Yang di-Pertuan Agong bertindak atas nasihat seperti diperuntukkan dalam Perkara 40 Perlembagaan Persekutuan, institusi raja tetap mempunyai tanggungjawab untuk menegur dan menasihati kerajaan demi kepentingan rakyat. Dalam situasi tertentu seperti ketegangan kaum atau isu yang boleh menjejaskan keharmonian masyarakat, institusi raja memainkan peranan penting dalam menenangkan keadaan dan memastikan kerajaan mengambil langkah sewajarnya bagi mengelakkan berlakunya kejadian yang boleh menjejaskan keamanan negara.


Sultan/Raja bukan hanya menjaga kepentingan satu kaum sahaja tetapi memayungi seluruh rakyat tanpa mengira latar belakang demi memastikan keamanan negara terus terpelihara. Kepentingan institusi raja juga dapat dilihat

menerusi Perkara 159(5) Perlembagaan Persekutuan yang mensyaratkan perkenan Majlis Raja-Raja bagi sebarang pindaan terhadap beberapa perkara penting dalam Perlembagaan. Kewujudan peruntukan itu membuktikan institusi raja mempunyai peranan besar dalam mempertahankan asas utama negara dan bukan sekadar bertindak sebagai "rubber stamp".

Mengulas situasi politik Malaysia, peranan Yang di-Pertuan Agong terserlah ketika negara berdepan situasi 'Parlimen tergantung' selepas Pilihan Raya Umum ke-15. Beliau berkata kebijaksanaan Seri Paduka Baginda menasihatkan pembentukan Kerajaan Perpaduan berjaya memastikan kestabilan politik negara dan kelangsungan pentadbiran kerajaan.

Pendidikan berkaitan Perlembagaan Persekutuan dan prinsip Rukun Negara perlu diperkasakan di sekolah bagi meningkatkan kefahaman generasi muda terhadap sejarah pembentukan negara serta sistem pemerintahan yang diamalkan Malaysia. Selain itu, penjawat awam yang baru dilantik perlu diberikan latihan dan pendedahan khusus berkaitan Perlembagaan Persekutuan, sejarah negara, prinsip Rukun Negara serta peranan institusi raja sebelum memulakan perkhidmatan dalam sektor kerajaan.

Langkah itu penting bagi memastikan setiap penjawat awam memahami tanggungjawab mereka dalam mempertahankan sistem pemerintahan negara di samping memupuk semangat cintakan negara serta menghormati institusi raja sebagai payung kepada rakyat dan negara. Penjawat awam adalah tulang belakang kepada jentera pentadbiran kerajaan, jadi, mereka perlu memahami asas pembentukan negara, menghormati kedaulatan undang-undang dan menghayati sistem Raja Berperlembagaan serta Demokrasi Berparlimen yang menjadi teras pentadbiran negara. **Edisi**



TERAS 1: KEADILAN UNTUK SEMUA



YBhg. Tuan Haji Mohd Sabirin bin Mohd Sarbini
Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Kadangkala, seseorang bukan tidak mahu bangkit daripada masalah yang dihadapi. Mereka cuma tidak tahu ke mana harus meminta bantuan.”

Hakikatnya, masih ramai masyarakat yang berdepan tekanan hidup akibat konflik rumah tangga, tuntutan nafkah, perceraian dan pelbagai isu kekeluargaan tanpa kemampuan mendapatkan khidmat guaman yang sewajarnya. Ada yang memendam keresahan bertahun-tahun kerana bimbang dengan kos, proses mahkamah dan masa depan kehidupan mereka.


Prihatin terhadap situasi ini, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyediakan Perkhidmatan Bantuan Guaman Syarie secara percuma kepada masyarakat Islam di Selangor, khususnya golongan B40 dan muafak. Melalui perkhidmatan ini, MAIS menyediakan peguam Syarie untuk mewakili klien yang berkelayakan dalam kes-kes Mal di Mahkamah Syariah Selangor seperti perceraian, fasakh, taklik, tuntutan nafkah, hak penjagaan anak dan tuntutan kekeluargaan Islam yang lain. Selain bantuan guaman, MAIS turut menyediakan Klinik Guaman Syarie dan platform K-Guam MAIS bagi membantu masyarakat mendapatkan khidmat nasihat dan konsultasi perundangan syariah secara lebih mudah, cepat dan fleksibel.

Perkhidmatan Bantuan Guaman Syarie ini memfokuskan kepada individu dengan pendapatan kasar RM3,000 dan ke bawah, manakala perkhidmatan Klinik Guaman Syarie dan K-Guam MAIS pula terbuka kepada semua lapisan masyarakat Islam di Negeri Selangor tanpa had kelayakan.

Bagi tahun 2025, seramai 1,594 individu telah dibantu melalui perkhidmatan yang disediakan oleh MAIS. Daripada jumlah tersebut, seramai 183 individu dibantu melalui Perkhidmatan Bantuan Guaman Syarie, 219 individu melalui platform K-Guam MAIS dan 1,104 individu menerima bantuan khidmat nasihat guaman melalui Klinik Guaman Syarie mahupun secara terus di pejabat MAIS. Angka ini bukan sekadar statistik, tetapi menggambarkan kehidupan dan harapan masyarakat yang berjaya disantuni melalui bantuan yang diberikan.

Selain membantu masyarakat melalui perkhidmatan guaman, MAIS juga memainkan peranan penting dalam memperkasa sistem perundangan Syariah di Negeri Selangor. Dari segi pengurusan dan dasar perundangan, MAIS terlibat dalam memacu penggubalan perundangan baharu serta memperkasa undang-undang sedia ada, Antaranya seperti pemerikasaan aspek penguatkuasaan halal, aspek sembelihan, serti, ketetapan dasar berkaitan tafsiran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan lain-lain.

Sebarang pertanyaan hubungi Bahagian Syariah dan Bantuan Guaman, MAIS di talian 03-5514 3643/3695. **Edisi**



JANGAN RACUNI UMMAH DENGAN FITNAH



Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakat.selangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah, Lembaga Zakat Selangor (LZS)

Fitnah menjadi budaya? Hakikatnya, perbuatan memfitnah sudah pun berlaku dalam kalangan manusia sejak zaman-berzaman. Jangankan manusia biasa, A'isyah r.ha isteri nabi juga pernah difitnah. Fitnah dibuat oleh mereka yang dengki. Apabila tiada peluang untuk menjatuhkan seseorang, maka fitnah direka. Matlamat hanya satu, iaitu agar orang yang difitnah jatuh. Dosa ditolak ke tepi. Hukuman dunia dipejamkan mata.

Di Malaysia, kes saman fitnah semakin menjadi-jadi setiap tahun. Berdasarkan analisis yang dilakukan oleh penulis terhadap pelbagai media massa utama di Malaysia, ia amat membimbangkan. Mari lihat carta di bawah.




Jelas, kes saman fitnah meroket. Mengikut analisis, trend peningkatan ini berlaku secara konsisten, terutama pasca-PRU, dan seiring dengan penggunaan media sosial, TikTok, Facebook dan podcast berkaitan politik dan agama. Banyak kes fitnah juga berpunca daripada hantaran digital dan kemudian dibawa ke mahkamah.

Sekarang, mari kita lihat carta bar di bawah pula, dan kita akan dapati bahawa kes saman fitnah yang dilaporkan melibatkan hampir semua golongan. Juara kes ini, sudah pasti golongan politikus; namun ia turut melibatkan agamawan.

Jadi, apakah punca budaya fitnah kian menjadi-jadi? Apakah semua pihak yang berwajib memejamkan mata? Apakah pula peranan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)? Bagaimanakah fungsi agensi Islam di Selangor dalam mendepani fitnah ini?

Edisi kali ini cuba menyelami dan menyajikan beberapa pandangan dan solusi ringkas agar ia dapat ditangani dengan cermat dan bijaksana. Ia menepati peranan MAIS sebagai payung umat yang melindungi kita daripada racun fitnah yang berbisa. Selamat membaca. **Edisi**



FITNAH: PUNCA TERJADI DAN KAEDAH MENANGANI



Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakat.selangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah, Lembaga Zakat Selangor (LZS)

Nyata, fitnah adalah jelmaan sifat hasad seseorang terhadap pihak lain. Hasad dengan kejayaan orang, kekayaan, kecantikan, kebahagiaan dan sebagainya.

Bagi mereka yang gagal mengawal nafsu dan amarah, maka hasad itu akan berubah menjadi tindakan berbahaya. 'Andai aku gagal, engkau juga gagal!' Itulah naratifnya. Berikut adalah antara punca fitnah.

01

Agenda Politik dan Perebutan Kuasa.

Ya, fitnah sering dijadikan sebagai "senjata politik" untuk menjatuhkan kredibiliti pihak lawan demi mempengaruhi persepsi, mencetuskan kebencian dan mengalihkan dan mencuri perhatian.

02

Kepentingan Komersial dan Digital.

Da'lam perang ekonomi digital hari ini, sebahagian besarnya dipacu oleh perhatian netizen. Maka jumlah klik, tontonan, dan perkongsian amat diperlukan. Di sinilah, isu sensasi, provokatif, atau hantaran berbau fitnah sengaja dicipta sebagai umpan untuk meraih trafik yang tinggi.

03

Hasad Dengki, Dendam, dan Kepuasan Peribadi.

Gejala negatif ini berakar umbi daripada emosi negatif terhadap pencapaian, reputasi, atau kedudukan orang lain. Maka, memusnahkan jenama peribadi atau korporat seseorang akan mendatangkan kepuasan psikologi kepada si pelaku, biarpun kesannya buruk sekali.

Jadi, apakah tindakan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan seluruh agensinya dalam mendepani racun fitnah ini?

1 Masjid dan Surau

MAIS dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) boleh memanfaatkan ribuan masjid dan kewujudan AJK-nya sebagai wadah rasmi anti fitnah di Selangor.

2 Pemerksaan Pendakwah Bertauliah Negeri Selangor (PBNS)

Ya, PBNS boleh dimanfaatkan sebagai ejen perubahan anti fitnah yang berkesan.

3 Program Khas

Memanfaatkan pelbagai kursus anjuran MAIS, JAIS, Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan sebagainya bersama umat dengan memasukkan elemen anti fitnah.

4 Kajian Perundangan

MAIS boleh menggesa pihak berkaitan seperti Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor untuk mengkaji dan menyediakan peruntukan fatwa dan mengesyorkan undang-undang Syariah yang lebih ketat tentang fitnah.

5 Penguatkuasaan Undang-undang

JAIS juga boleh menguatkuasakan undang-undang jenayah Syariah kepada mereka yang membuat fitnah.

6 Peranan NGO-Islam (NGO-I)

MAIS boleh menjadikan NGO-I sebagai rakan strategik dalam menangani gejala fitnah.

7 Pendidikan Rasmi

JAIS boleh memasukkan elemen bahaya fitnah dalam pendidikan rasmi anak-anak umat Islam di sekolah-sekolah JAIS.

Pada akhirnya, agenda menangani fitnah bukanlah projek bermusim dan program yang bersifat intensif. Ia perlu bergerak secara konsisten dan lestari. Pendekatannya juga perlu pelbagai. Kajian keberkesanan dan impak program juga wajar dilakukan. Kesimpulannya, MAIS dan seluruh agensinya telah bergerak dan akan terus bergerak menghadapi gelombang fitnah dari semasa ke semasa. Semoga MAIS mampu melaksanakannya, Amin. **Edisi**

WABAK ALAF BAHARU: MENANGANI GEJALA FITNAH DI KALANGAN REMAJA



Mohd Hafiz bin Abdul Salam (hafizsalam@mais.gov.my)
Ketua Pusat Penyelidikan, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Dalam meniti arus pemodenan era digital, golongan remaja kini dikategorikan sebagai generasi yang paling rapuh mendepani ledakan teknologi maklumat. Namun, di sebalik kemudahan komunikasi tanpa sempadan, terselit satu ancaman senyap yang kian parah merobek institusi sosial dan nilai murni masyarakat iaitu, gejala fitnah. Jika dahulu, fitnah lisan hanya tersebar dari mulut ke mulut dengan impak yang terhad, namun evolusi teknologi kini menyaksikan fitnah beralih ke alam maya dengan impak kerosakan yang lebih berskala besar.

Lebih membimbangkan, kemunculan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) seperti deepfake dan klon suara telah disalahgunakan sebagai senjata baharu untuk mencipta pembbohongan yang kelihatan benar. AI ibarat pisau bermata dua. Teknologi ini boleh digunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab untuk mencipta fitnah berskala besar, tetapi dalam masa yang sama ia juga boleh dimanfaatkan untuk mengesan dan membendung fitnah.

Dari sudut hukum syarak, Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS) telah membuat penjelasan mengenai hukum syarak (Taudhih al-Hukmi) melalui artikel yang menjelaskan hukum penyuntingan gambar menggunakan teknologi AI dibahagikan kepada dua aspek:

Harus (Dibenarkan): ▶ Selagi mana ia digunakan untuk perkara yang baik dan bermanfaat menurut syarak. Contohnya, mereka bentuk poster, mencantikkan gambar sedia ada, menjelaskan imej yang kabur, atau dijadikan medium penyebaran dakwah (boleh mendapat pahala).

Haram: Sekiranya ▶ Proses suntingan imej AI tersebut digunakan untuk menghasilkan gambar yang berunsurkan penipuan, maksiat, pembongkaran aib seseorang, serta eksploitasi hak cipta milik orang lain tanpa izin.

Manakala, berdasarkan Undang-undang di Malaysia melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) di bawah Seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 sentiasa memantau dan menyiasat fitnah melalui media sosial atas kesalahan menggunakan kemudahan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi secara tidak wajar untuk membuat, mewujudkan, dan mementaskan hantaran (teks, gambar, video,

audio) yang palsu, jelik, mengancam, atau memuakkan dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiaya, mengugut, atau mengganggu orang lain. Jika sabit kesalahan, pelaku boleh didenda maksimum RM500,000 atau penjara sehingga dua tahun, atau kedua-duanya sekali.

Justeru, Islam dengan jelas dan tegas melarang sebarang bentuk penyebaran berita palsu atau fitnah melalui tuntutan amalan Tabayyun, malah institusi agama seperti JMNS turut menggariskan hukum haram terhadap manipulasi digital yang menjatuhkan maruah sesama manusia. Allah SWT menjelaskan perkara ini dalam al-Quran (Surah al-Hujurat, 6) yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”

Oleh itu, sebagai kaedah yang terbaik bagi umat Islam terutamanya remaja agar terhindar daripada gejala fitnah, antaranya:

- 01 Sentiasa mantapkan diri dengan ilmu.
- 02 Banyakkan bersabar serta menjaga pertuturan.
- 03 Kuasai penggunaan media sosial (pastikan berita sahih sebelum dikongsi dan ikuti akaun yang memberi manfaat sahaja).
- 04 Pilih rakan sebaya yang baik (saling tegur dan memberi nasihat yang baik).
- 05 Menjauhi aktiviti yang tidak sihat.

Secara kesimpulannya, dalam menerima atau menyampaikan sesuatu berita itu, perlulah dipastikan kebenaran dan keabsahan sesuatu berita serta sumbernya. Janganlah kita menjadi penyumbang kepada peningkatan angka penyebaran fitnah atau berita palsu dalam kalangan masyarakat. Berusaha untuk mengelakkan diri dari terjerumus ke dalam lembah fitnah yang dikategorikan sebagai wabak alaf baharu. Wallahua'lam. **Edisi**



INDAHNYA MUHARRAM TANPA KHURAFAT



Ustaz Mohamad Shukry bin Sulaiman (shukry@muftiselangor.gov.my)
Ketua Penolong Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor

Kedatangan bulan Muharram sentiasa membawa nostalgia dan semangat baharu dalam kalendar Islam. Sebagai bulan pertama dalam tahun Hijriah, ia bukan sekadar pertukaran angka pada kalendar, malahan ia merupakan simbol perjuangan, penghijrahan, dan ketaatan kepada Allah SWT. Namun, di sebalik kemuliaan bulan yang digelar sebagai Syahrullah (Bulan Allah) ini, masih wujud segelintir masyarakat yang mencemarinya dengan amalan khurafat dan kepercayaan karut-marut yang jauh terpesong daripada landasan syariat.

Memahami Kemuliaan Muharram

Muharram adalah salah satu daripada empat bulan haram (suci) yang disebut dalam al-Quran. Allah SWT berfirman:

“Sesungguhnya bilangan bulan di sisi Allah ialah dua belas bulan, (sebagaimana) dalam ketetapan Allah pada waktu Dia menciptakan langit dan bumi, di antaranya ada empat bulan haram...”

(Surah al-Taubah: 36).

Kemuliaan ini seharusnya diisi dengan peningkatan amal ibadah, muhasabah diri, dan memperbanyakkan puasa sunat, terutamanya pada hari Asyura (10 Muharram). Keindahan Muharram terletak pada kesuciannya sebagai ruang untuk manusia kembali kepada fitrah, meninggalkan maksiat, dan memperbaharui azam untuk menjadi hamba yang lebih bertaqwa.

Belunggu Khurafat Mencemari Kesucian

Malangnya, keindahan ini sering kali dilitupi oleh debu-debu khurafat yang diwarisi secara turun-temurun tanpa usul periksa. Khurafat merujuk kepada kepercayaan atau amalan yang tidak mempunyai asas dalam Islam, sering kali dikaitkan dengan perkara ghaib yang karut dan boleh membawa kepada syirik.

Antara amalan khurafat yang sering kedengaran pada bulan Muharram termasuklah:

Kepercayaan sial (tatayyur): Ada segelintir pihak yang menganggap Muharram sebagai bulan yang malang atau panas. Akibatnya, mereka mengelak daripada mengadakan majlis perkahwinan dengan kepercayaan bahawa pasangan pengantin tidak akan mendapat zuriat sekiranya majlis perkahwinan dilangsungkan dalam bulan ini. Amalan dan kepercayaan seperti ini jelas bercanggah dengan syariat Islam serta boleh menyebabkan rosaknya akidah seseorang. Begitu juga kepercayaan larangan untuk berpindah rumah, atau memulakan perniagaan dalam bulan ini kerana bimbang akan ditimpa bencana.

Ritual Mandi Safar atau Tolak Bala: Walaupun lebih sinonim dengan bulan Safar, bibit-bibit kepercayaan bahawa bala turun pada awal tahun menyebabkan adanya ritual mandi bunga atau mandi di sungai dengan niat membuang sial yang pastinya tidak mempunyai sandaran dalil. Walaupun sekarang amalan tersebut tidak begitu ketara, namun masih ramai yang percaya bahawa bulan Safar membawa celaka dan sial.

Kita pernah menjadi saksi tradisi dalam kalangan masyarakat Melayu yang menggunakan kertas atau papan yang ditulis dengan ayat-ayat tertentu dan mandi dengan air yang direndam ayat-ayat berkenaan untuk menolak bala.

Memuja Senjata atau Azimat: Upacara memandikan keris atau senjata lama pada malam satu Muharram dengan kepercayaan bahawa senjata tersebut mempunyai «penunggu» atau kuasa sakti juga merupakan satu bentuk khurafat yang nyata. Persoalannya, mengapakah ia mesti dimandikan pada bulan Muharram?

Kesan Buruk Amalan Khurafat

Mengapakah kita perlu membebaskan Muharram daripada khurafat? Kerana amalan ini bukan sahaja sia-sia, malah memberikan impak negatif kepada akidah dan mentaliti umat. Kepercayaan bahawa bulan atau hari tertentu boleh memberi manfaat atau mudarat dengan sendirinya adalah perbuatan yang boleh menyekutukan Allah (syirik).

Seseorang yang percaya kepada sial akan sentiasa merasa gelisah dan tidak tenang. Mereka terbelunggu oleh pantang larang yang tidak logik sehingga menyukarkan urusan kehidupan seharian. Umat yang berpegang kepada khurafat cenderung bersifat pasif dan bergantung kepada nasib berbanding usaha (ikhtiar) dan tawakal yang sebenar.

Menghidupkan Sunnah di Bulan Muharram

Keindahan Muharram yang sebenar akan terpancar apabila kita menghidupkan sunnah Nabi SAW. Antara amalan yang dianjurkan ialah menghidupkan sunnah di bulan Muharram, salah satu bulan haram yang dimuliakan, berfokus pada peningkatan amal saleh, terutama puasa Tasu'a (9 Muharram) dan Asyura (10 Muharram). Ini adalah momen untuk mendekati diri kepada Allah, bertaubat, dan memperbanyakkan zikir serta sedekah, sekali gus menghindari amalan bid'ah yang tidak berdasar.

Muharram adalah kanvas kosong yang Allah SWT berikan kepada kita untuk memulakan lembaran tahun baharu dengan ketaatan. Alangkah indahnya jika bulan ini disambut dengan jiwa yang bersih, akidah yang lurus, dan amal yang soleh. Apabila kita berjaya meninggalkan segala bentuk khurafat, kita sebenarnya sedang membebaskan minda dan jiwa kita untuk mencapai hakikat kehambaan yang sebenar.

Anda masih keliru dengan perkara khurafat yang menjerumuskan kepada syirik? Kemukakan persoalan anda kepada laman rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor di www.muftiselangor.gov.my. Selamat Menyambut Maal Hijrah 1448H – Indah dengan Sunnah, Bersih daripada Khurafat. **Edisi**

CARA MEMBUAT **ADUAN** KEPADA **PEGAWAI PENGUATKUASA AGAMA (PPA) JAIS**



Puan Maryam binti Md Zin (maryam@jais.gov.my)
Penolong Pengarah Kanan, Unit Dasar & Strategi,
Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

Bagi memelihara kesucian agama Islam dan keharmonian institusi kekeluargaan, orang awam digalakkan untuk tampil menyalurkan maklumat kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sekiranya berlaku sebarang pelanggaran hukum Syarak.

Secara umumnya, anda boleh menyemak senarai kesalahan yang boleh diadukan berdasarkan:

01 Kesalahan Jenayah Syariah di bawah Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) Tahun 1995.

02 Kesalahan Matrimoni di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) Tahun 20033

Dimanakah anda boleh membuat aduan?

1. Aduan Jenayah Syariah

Pengadu boleh membuat aduan melalui talian hotline 1800-88-2424 atau hadir ke Hotline JAIS Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan JAIS atau mengisi borang dalam sistem e-Aduan yang tersedia di portal rasmi.

2. Aduan Kesalahan Matrimoni dan Kekeluargaan

Hadir ke Unit Undang-Undang Keluarga PAID untuk sesi khidmat nasihat atau runding cara terlebih dahulu. Sekiranya terdapat kesalahan yang memerlukan siasatan lanjut, Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) JAIS akan mengambil maklumat aduan dan keterangan pihak-pihak terlibat berdasarkan elemen kesalahan mengikut kesesuaian pelanggaran peruntukan enakmen untuk tindakan siasatan seterusnya dipanjangkan ke peringkat pendakwaan bagi membuat penilaian sebelum ianya dibawa ke muka pengadilan (mahkamah syariah).

Sekiranya anda ingin membuat aduan rasmi di JAIS, prosesnya akan menjadi lebih lancar jika anda menyediakan perkara-perkara berikut:

1. Maklumat Peribadi Pengadu (Anda)

Anda perlu menyediakan dokumen pengenalan diri yang sah untuk membuktikan identiti anda (aduan layang tanpa identiti biasanya sukar untuk diambil tindakan rasmi). Dokumen yang diperlukan ialah Kad Pengenalan (MyKad) atau Pasport (jika bukan warganegara) serta nombor telefon, alamat rumah dan e-mel bagi memudahkan pihak berkuasa menghubungi anda untuk perkembangan kes.

Kerahsiaan maklumat pengadu juga sentiasa dipelihara bagi menjamin keselamatan dan keadilan semua pihak.

2. Maklumat Lengkap Orang yang Diadu

Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) memerlukan nama penuh, nombor kad pengenalan (jika ada), alamat rumah semasa atau alamat tempat kerja serta nombor telefon atau akaun media sosial yang digunakan untuk mengesan, memanggil atau menahan individu tersebut. Orang yang Diadu mestilah orang Islam yang disyaki membuat kesalahan tersebut di Negeri Selangor.

3. Kronologi dan Perincian Kejadian

Sediakan satu catatan atau kenyataan ringkas yang jelas tentang apa yang telah berlaku. Pihak penguatkuasa akan bertanyakan formula 5W + 1H iaitu:

- Apa (What):** Jenis kesalahan, elemen kesalahan dan isu yang berlaku.
- Bila (When):** Tarikh dan masa kejadian berlaku (atau tempoh masa isu itu berlarutan).
- Di mana (Where):** Lokasi spesifik kejadian berlaku.
- Siapa (Who):** Siapa yang terlibat dan siapa saksi yang melihatnya.
- Mengapa dan Bagaimana (Why and How):** Bagaimanakah kejadian itu berlaku dan bagaimana anda mengetahuinya.

4. Dokumen Sokongan dan Bukti

Bukti yang kukuh amat penting dan diperlukan bagi memastikan aduan anda mempunyai asas yang kuat untuk disiasat.

Bagi Kes Jenayah Syariah

- Tanda-tanda kejadian dan elemen kesalahan yang berkaitan.
- Tangkapan skrin (screenshot) perbualan WhatsApp, Telegram atau hantaran di media sosial.
- Gambar atau rakaman video yang berkaitan.
- Dokumen, buku atau risalah.
- Nama dan maklumat hubungan saksi yang melihat atau mempunyai maklumat tentang kejadian tersebut.

Bagi Kes Undang-Undang Keluarga

- Surat Perintah Mahkamah bagi pengesahan poligami, nikah, cerai dan rujuk.
- Salinan Sijil Pernikahan / Sijil Rujuk / Sijil Cerai.
- Salinan Sijil Kelahiran Anak-anak (jika melibatkan nafkah/hak penjagaan anak).
- Penyata bank atau bukti resit perbelanjaan (untuk kes tuntutan nafkah).
- Laporan perubatan atau laporan polis (jika melibatkan kes keganasan rumah tangga/penganiayaan).

Secara keseluruhan, JAIS telah menyediakan platform yang telus untuk mengendalikan setiap aduan masyarakat. Apa yang penting, pastikan setiap aduan anda disertakan dengan bukti yang sahih, kronologi yang jelas dan maklumat yang tepat agar tindakan penguatkuasaan dapat diambil dengan pantas dan berkesan. **Edisi**



"FITNAH MEROSAKKAN MINDA"



Ustaz Hasal bin Senin (hasal@mais.gov.my)
Pembantu Eksekutif, Unit Pembangunan Kompetensi,
Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Alhamdulillah, kita kembali bersua dalam majalah EDISI MAIS keluaran Jun 2026. Pada kesempatan kali ini, saya ingin berkongsi dalam segmen Info Sihat bertajuk "Fitnah Merosakkan Minda".

Fitnah ialah perbuatan menyebarkan berita palsu atau memutarbelitkan fakta sehingga menjatuhkan maruah seseorang. Dalam era digital, fitnah mudah tersebar tanpa tapisan, menjadikannya satu ancaman serius kepada keharmonian masyarakat.

Bahaya fitnah amat besar kerana ia mampu merosakkan reputasi dalam sekelip mata. Fitnah menimbulkan kebencian, perpecahan, dan salah faham sesama manusia. Apabila ia berleluasa, masyarakat akan hilang kepercayaan antara satu sama lain dan kebenaran menjadi kabur.

Kesan fitnah kepada minda sangat mendalam. Individu yang difitnah sering mengalami tekanan emosi seperti stres, kemurungan, dan hilang keyakinan diri. Minda mereka terganggu akibat tuduhan yang tidak berasas. Pada masa yang sama, penyebar fitnah turut terjejas kerana terbiasa dengan pemikiran negatif, prasangka, dan sikap tidak bertanggungjawab.

Dari sudut agama, fitnah tergolong sebagai dosa besar. Pemfitnah akan menerima balasan setimpal sama ada di dunia mahupun akhirat. Setiap kata yang diucapkan dicatat oleh dua malaikat di sebelah kanan dan kiri, maka manusia perlu sentiasa bermuhasabah agar tidak terjerumus dalam dosa ini.

Bagi mengatasi dan menghindari fitnah, amalan tabayyun sangat penting. Setiap berita yang diterima perlu diselidik terlebih dahulu sebelum dipercayai atau disebarkan. Selain itu, menjaga lisan adalah langkah utama untuk mengelakkan fitnah. Kata-kata perlu ditapis supaya tidak menyakiti atau memudaratkan orang lain.

Penyelesaian kepada bahaya fitnah termasuk meningkatkan kesedaran tentang etika komunikasi, memperkukuh pendidikan akhlak, dan mengamalkan sikap bertanggungjawab dalam penggunaan media sosial. Sokongan kepada mangsa fitnah juga penting agar mereka dapat memulihkan emosi dan keyakinan diri. Cara menghindari bahaya fitnah ialah dengan sentiasa berfikir sebelum berkata, mengelakkan prasangka buruk, dan mendekati diri kepada nilai-nilai kebenaran.

Kesimpulannya, fitnah merupakan perbuatan yang merosakkan minda, emosi, dan hubungan sosial. Ia memberi kesan buruk kepada penyebar dan juga mangsa. Oleh itu, setiap individu perlu berusaha menjauhi fitnah, mengamalkan tabayyun, menjaga lisan, serta bermuhasabah agar dapat membina masyarakat yang harmoni dan sejahtera.

Besar harapan pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) agar umat Islam sentiasa berhati-hati dan berwaspada terhadap bahaya fitnah supaya setiap individu lebih peka dalam menjaga lisan, tidak mudah mempercayai atau menyebarkan berita tanpa usul periksa, serta sentiasa mengamalkan sikap tabayyun. Semoga umat Islam dapat memelihara minda daripada pengaruh negatif fitnah, memperkukuh akhlak, dan hidup dalam suasana harmoni yang berteraskan kebenaran dan kejujuran. **Edisi**

Aku dengar dia macam ...
Dia ni sebenarnya ...
Jangan percaya cakap dia ...
Memangla nia jinj sendiri!
Patut dia malu diri sendiri.
Orang macam ni tak patut dipercayai.

Tabayyun
Kebeneran
Keadilan
Jangan Sebar
Sebelum Pasti

ISU 3R DI MALAYSIA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM



YBr. Dr. Haji Halim bin Mokhtar (halim@uis.edu.my)
Pensyarah Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Universiti Islam Selangor (UIS)

Isu 3R iaitu **Race (Kaum)**, **Religion (Agama)** dan **Royalty (Institusi Diraja)** merupakan elemen penting dalam pembentukan keharmonian masyarakat di Malaysia. Sebagai sebuah negara masyarakat majmuk dan sistem Raja Berperlembagaan, kestabilan negara sangat bergantung kepada kemampuan rakyat mengurus perbezaan kaum, agama dan memelihara institusi Diraja dengan penuh adab dan tanggungjawab. Memahami konsep 3R menurut perspektif Islam amat penting bagi memastikan keharmonian masyarakat dapat dipelihara.

► Islam dan Race (Kaum)

Islam mengiktiraf kewujudan pelbagai bangsa dan kaum sebagai fitrah kehidupan untuk sentiasa menjaga hubungan tanpa mengira bangsa dan latar belakang. Allah SWT berfirman yang bermaksud: *"Wahai manusia! Sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling mengenali"*. (Surah al-Hujurat: 13)

Imam Al-Tabari mentafsirkan ayat ini dalam frasa *"supaya kamu saling mengenali"* sebagai manusia mengetahui keturunan dan hubungan sesama mereka, lalu membina hubungan sosial, tolong-menolong dan muamalah yang baik, bukan untuk menghina atau merendahkan kaum lain. Ayat ini menunjukkan bahawa kepelbagaian kaum merupakan satu rahmat, bertujuan untuk membina hubungan dan kerjasama serta bukan alasan untuk bermusuhan. Islam menerima identiti kaum tetapi menolak ekstremisme perkauman.

► Islam dan Religion (Agama)

Islam mengajar umatnya menghormati penganut agama lain dan hidup secara aman. Rasulullah SAW sendiri hidup bersama masyarakat bukan Islam di Madinah melalui Piagam Madinah. Di Malaysia, Islam adalah agama persekutuan, kebebasan beragama dijamin oleh

Perlembagaan Persekutuan sebagaimana termaktub dalam Perkara 3 dan Perkara 11. Islam menetapkan adab dalam perbezaan agama dan melarang penghinaan terhadap kepercayaan pihak lain. Firman Allah SWT yang bermaksud *"Dan janganlah kamu mencaci sembah-sembahan yang mereka sembah selain Allah, kerana nanti mereka akan mencaci Allah secara melampaui batas tanpa pengetahuan"*. (Surah al-An'am: 108)

Imam Al-Qurtubi menyatakan ayat ini menjadi dalil penting tentang kewajipan menjaga lidah dan adab ketika berbeza pendapat atau agama. Umat Islam ditegah daripada ucapan yang mencetuskan permusuhan dan penghinaan balas manakala Dr. Wahbah al-Zuhaili menegaskan bahawa Islam ialah agama dialog dan hujah, bukan cacian. Dialog dan perbincangan agama hendaklah dilakukan dengan ilmu dan hikmah. Ini menunjukkan bahawa Islam mendidik umatnya agar menghormati perbezaan kepercayaan demi mengelakkan permusuhan.

► Islam dan Royalty (Institusi Diraja)

Islam dan Institusi Diraja mempunyai hubungan rapat kerana Raja-Raja Melayu merupakan Ketua Agama Islam di negeri masing-masing. Dalam sejarah Islam, pemerintah berperanan menjaga keamanan, keadilan dan agama rakyat dan ditaati selagi tidak menyuruh melakukan kemungkaran.

Institusi Diraja penting kerana menjadi lambang perpaduan rakyat, menjaga kestabilan politik negeri, memelihara agama Islam dan adat Melayu, menjadi simbol sejarah dan identiti negeri serta bertindak sebagai pelindung hak rakyat dan negeri.

Perbincangan berkaitan institusi Diraja hendaklah dilakukan secara beradab dan mematuhi undang-undang negara. Sikap melampau, penghinaan atau penyebaran fitnah terhadap institusi Diraja boleh mencetuskan ketidakstabilan sosial dan negara.

► Islam dan Cabaran Semasa

Islam tidak menghalang kemajuan. Kerancakan media sosial hari ini semakin mencabar sehingga menjadi platform untuk melancarkan kebencian dan fitnah khususnya dalam isu 3R. Oleh itu elemen tabayyun sangat penting untuk menyaring maklumat di samping pengukuhan etika media sosial. Perbezaan pandangan tidak seharusnya membawa kepada permusuhan, sebaliknya dijadikan ruang untuk saling memahami dan menghormati.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sebagai badan yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal Islam memainkan peranan penting memperkukuh perpaduan masyarakat melalui program dakwah, pendidikan dan penerangan Islam dengan sesi dialog dan perbincangan serta kedudukan Sultan sebagai Ketua Agama Islam dan simbol perpaduan negeri.

Kesimpulannya, Islam melihat isu 3R berkait rapat dengan maqasid syariah iaitu tanggungjawab menjaga agama dan mengajar umatnya menghormati perbezaan serta berfikir dalam setiap tindakan. Masyarakat akan lebih bersedia menangani isu 3R dan keharmonian negara dapat terus dipelihara demi kesejahteraan bersama menuju *"baladun toyyibatun warobbun ghofur"*. #Islamituindah **Edisi**



USAHASAMA i-CARE & MAIS PERKASA KEBAJIKAN UMMAH



Shahrul Effendy bin Md Saat (fendy@mais.gov.y)
Eksekutif Perhubungan Awam & Khidmat Pelanggan,
Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (PIBK) memainkan peranan penting sebagai rakan strategik Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dalam memperkukuh pembangunan ummah dan memperluaskan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat. Antara PIBK yang aktif melaksanakan pelbagai inisiatif kebajikan ialah Kelab Sosial dan Kebajikan Cakna Puncak Alam atau lebih dikenali sebagai i-Care.

Ditubuhkan pada tahun 2009, i-Care merupakan sebuah pertubuhan yang berteraskan kebajikan dan kesukarelawan dengan memberi fokus kepada bantuan kemanusiaan, pembangunan komuniti serta kesejahteraan masyarakat setempat. Pertubuhan ini telah diterima sebagai ahli PIBK di bawah MAIS pada tahun 2017 dan terus komited melaksanakan pelbagai program yang memberi manfaat kepada golongan memerlukan.

Sejak penubuhannya, i-Care aktif menyalurkan bantuan kepada golongan asnaf, keluarga berpendapatan rendah, ibu tunggal, anak yatim, warga emas serta orang kurang upaya (OKU). Selain bantuan berbentuk kewangan dan keperluan asas, pertubuhan ini turut menganjurkan program kemasyarakatan, khidmat sukarelawan dan aktiviti pembangunan sosial yang bertujuan meningkatkan kesejahteraan komuniti.

Bagi memastikan bantuan yang disalurkan lebih berkesan dan menepati sasaran, i-Care turut berusaha membangunkan jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, institusi pendidikan, badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat. Pendekatan ini bukan sahaja membantu memperluaskan capaian bantuan, malah mengukuhkan semangat kebersamaan dalam kalangan masyarakat.



Di samping aktiviti kebajikan, i-Care juga memberi perhatian kepada usaha memperkukuh kefahaman Islam dan nilai-nilai murni dalam masyarakat. Pelbagai program berbentuk kerohanian, pendidikan dan pembangunan sahsiah dianjurkan bagi menyemarakkan semangat kesukarelawan serta budaya saling membantu dalam kalangan anggota masyarakat.

Sebagai salah sebuah PIBK yang berdaftar di bawah MAIS, i-Care membuktikan bahawa penglibatan masyarakat melalui platform pertubuhan sukarela mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan komuniti yang lebih sejahtera dan inklusif. Komitmen yang ditunjukkan oleh para sukarelawan dan ahli pertubuhan dalam membantu golongan yang memerlukan wajar dijadikan inspirasi kepada masyarakat untuk terus menyumbang kepada kesejahteraan ummah.

i-CARE

RAKAN STRATEGIK AGIHAN FIDYAH MAIS

Selain aktif dalam membantu pelbagai program kebajikan dan kemasyarakatan, i-Care juga merupakan PIBK yang menerima sumbangan dan bantuan dari MAIS. Sumbangan diberikan berdasarkan komitmen pertubuhan dalam membantu memperkasakan pembangunan ummah selain diukur mengikut Penilaian Prestasi Keberkesanan Laporan Program PIBK MAIS bagi tempoh setahun.

i-Care juga merupakan Rakan Strategik Agihan Fidyah MAIS (RSAFM) yang bersama-sama menyokong usaha MAIS dalam memastikan manfaat fidyah dapat disalurkan kepada golongan sasaran. RSAFM ialah organisasi, institusi atau badan bukan berkanun yang dilantik oleh MAIS untuk mengagihkan sumbangan fidyah secara terus kepada golongan sasaran yang memerlukan.

Sehingga kini, jumlah PIBK di bawah MAIS pada tahun 2026 adalah sebanyak 104 buah PIBK. Kesemua PIBK tersebut dibahagikan kepada 10 Kluster iaitu Kluster Dakwah & Islah, Kluster Pemantapan Akidah, Kluster Pemerkasaan Halalan Toyyiban, Kluster Pendidikan Islam dan Kluster Pembangunan Muallaf, Kluster Pendidikan Islam, Kluster Pemulihan Riqab, Kluster Kebajikan Fakir dan Miskin, Kluster Kebajikan Anak Yatim, Kluster Pembangunan Kekeluargaan Islam dan Kluster Amal Makruf Nahi Mungkar.

Diharapkan i-Care akan terus memperkukuh peranannya sebagai rakan strategik MAIS dalam usaha memperkasakan kebajikan masyarakat serta menyebarkan nilai-nilai Islam yang menekankan kasih sayang, keprihatinan dan semangat tolong-menolong demi kemajuan dan kesejahteraan Negeri Selangor. **Edisi**



Sumber : **Majlis Agama Islam Selangor**



Kunjung Hormat Pengerusi MAIS Ke Jakel Kuala Lumpur

APRIL 2026 - Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) YAD Senator Dato' Setia Haji Salehuddin bin Saidin mengadakan kunjung hormat ke Jakel Mall Kuala Lumpur yang disambut sendiri oleh Pengarah Urusan Jakel Trading, YBhg Dato' Seri Mohamed Feroz bin Mohamed Jakel. **Edisi**



Sesi Dialog MAIS Bersama 80 PIBK – Pengukuhan Sinergi MAIS Bersama PIBK

APRIL 2026 - YAD Senator Dato' Setia Haji Salehuddin Saidin, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berbesar hati mengadakan sesi dialog secara langsung bersama Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (PIBK) dalam Program Pengukuhan Sinergi MAIS bersama PIBK Negeri Selangor Tahun 2026. **Edisi**



Kunjung Hormat Pengerusi MAIS Ke Nasyrul Quran, Putrajaya

APRIL 2026 - Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) YAD Senator Dato' Setia Haji Salehuddin bin Saidin mengadakan kunjung hormat ke Nasyrul Quran, Putrajaya yang disambut sendiri oleh YBhg. Datuk Dr. Abdul Latiff Mirasa, Pengerusi Eksekutif Yayasan Restu & Ketua Eksekutif Nasyrul Quran yang juga merupakan pusat percetakan al-Quran kedua terbesar di dunia yang terletak di Putrajaya. **Edisi**



Turun Padang Pengerusi MAIS Ke Daerah Kuala Selangor

APRIL 2026 - Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), YAD Dato' Setia Haji Salehuddin Saidin Turun Padang ke daerah Kuala Selangor bagi bersua muka bersama 70 Nazir Masjid di Majlis Dialog yang diadakan di Dewan Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Kuala Selangor bagi merungkai cabaran di lapangan terutamanya menjayakan pengurusan masjid dengan cemerlang. **Edisi**



MAIS Terima Anugerah The Brandlaureate World Halal Bestbrands Awards 2026: Pengiktirafan Kepada Kecemerlangan Tadbir Urus Kewangan Islam Dan Pengurusan Harta

APRIL 2026 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melakar pencapaian bersejarah apabila dinobatkan sebagai penerima anugerah berprestij The BrandLaureate World Halal BestBrands Awards 2026 yang dianjurkan oleh The World Brands Foundation (TWBF). **Edisi**



Sumber : **Majlis Agama Islam Selangor**



MAIS Adakan Lawatan Ke Menara 118

APRIL 2026 - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) hari ini mengadakan lawatan kerja ke Menara Merdeka 118, Kuala Lumpur. **Edisi**



Turun Padang Pengerusi MAIS Ke Daerah Kuala Langat-Dialog Bersama 60 Nazir Masjid dan Tinjauan Keperluan Masjid serta Sekolah Agama

APRIL 2026 - Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), YAD Dato' Setia Haji Salehuddin Saidin meneruskan Program Turun Padang ke daerah Kuala Langat bagi mengadakan sesi dialog dan pertemuan bersama 60 Nazir Masjid serta Pengerusi Surau. **Edisi**



Pengerusi MAIS Terima Kunjungan Dari Muslim Universiti Of Morogoro

MEI 2026 - Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), YAD Senator Dato Setia Salehuddin Saidin menerima kunjungan hormat daripada Muslim Universiti Of Morogoro (MUM), Tanzania. **Edisi**



MAIS Sumbang Saguhati Pengislaman Berjumlah RM94,000.00 Kepada Pusat Pengurusan Pengislaman, Hargai Peranan Petugas Pendaftaran Pengislaman

MEI 2026 - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyerahkan sumbangan saguhati pengislaman berjumlah keseluruhan sebanyak RM94,000.00 kepada Pusat Pengurusan Pengislaman (PPP) MAIS bagi menghargai peranan dan kebajikan pusat tersebut dalam membantu MAIS menguruskan proses pendaftaran pengislaman mengikut prosedur yang ditetapkan. **Edisi**



Turun Padang Pengerusi MAIS Ke Daerah Sepang-Ziarah dan Komunikasi Bersama Nazir Masjid

MEI 2026 - Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), YAD Senator Dato' Setia Haji Salehuddin Saidin meneruskan Program Turun Padang ke daerah Sepang bagi mengadakan sesi dialog dan pertemuan bersama 69 Nazir Masjid serta Pengerusi Surau. **Edisi**



Sumber : **Jabatan Mufti Selangor**



Sumber : **Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor**



Sumber : **Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor**



Lawatan Kerja Rasmi Ke Jabatan Mufti Perak Dan Pulau Pinang Perkasa Pembangunan Sistem Fatwa

APRIL 2026 – Jabatan Mufti Negeri Selangor telah mengadakan lawatan kerja rasmi selama dua hari pada 6-7 April 2026 ke Jabatan Mufti Negeri Perak dan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang. Lawatan ini bertujuan untuk mengetahui dan mempelajari sistem pengurusan fatwa yang telah dibangunkan oleh kedua-dua negeri tersebut. **Edisi**



Kunjungan Hormat Deligasi Ummet Vakfi

MEI 2026 – Jabatan Mufti Negeri Selangor telah menerima kunjungan hormat daripada deligasi Ummet Vakfi dalam satu pertemuan rasmi yang berlangsung dalam suasana penuh muhibah dan profesional. **Edisi**



Kunjungan Hormat Jabatan Bantuan Guaman Negeri Selangor Ke JAKESS

APRIL 2026 – Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) telah menerima kunjungan hormat daripada Jabatan Bantuan Guaman Negeri Selangor (JBGS) bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 4. **Edisi**



Lawatan YAA Ketua Pengarah JKSM Ke JAKESS

MEI 2026 – Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) terus mengukuhkan reputasinya sebagai agensi kerajaan contoh apabila sekali lagi dinobatkan sebagai Johan Anugerah Pengurusan Pejabat & Pentadbiran Cemerlang (APPC) Tahun 2025 bagi Kategori Lain-Lain Agensi. **Edisi**



Bengkel Penyelarasan Pelaksanaan Mahkamah Digital Dan Pengurusan Kes Jenayah Syariah Di Negeri Selangor

APRIL 2026 - Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor telah menganjurkan Bengkel Penyelarasan Pelaksanaan Mahkamah Digital dan Pengurusan Kes Jenayah Syariah di Negeri Selangor bertempat di Concorde Hotel Shah Alam. **Edisi**



Bengkel Diskusi Perundangan Siri 1: Pengurusan Pelupusan Barang Kes Dari Perspektif Undang-Undang

APRIL 2026 – Bengkel Diskusi Perundangan Siri 1 telah dilaksanakan bertempat di Hotel Concorde, Shah Alam anjuran Bahagian Perundangan, Perbicaraan & Rayuan, Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor. Peserta program terdiri daripada Pendakwa Syariah Selangor dan Pegawai Penguatkuasa Agama Negeri Selangor. **Edisi**



Sumber : **Jabatan Agama Islam Selangor**

Majlis Penutup Kursus Perdana Haji Peringkat Negeri Selangor 1447

APRIL 2026 – Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bersama Lembaga Tabung Haji (TH) hari ini menganjurkan Majlis Penutup Kursus Perdana Haji Peringkat Negeri Selangor 1447. **Edisi**



Kontinjen Selangor Ke Majlis Tilawah Dan Hafazan

APRIL 2026 – Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dengan penuh rasa bangga dan penghargaan merakamkan ucapan tahniah serta selamat maju jaya kepada seluruh peserta dan kontinjen Negeri Selangor yang akan mewakili negeri ke Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1447H/2026M. **Edisi**



Lawatan Akademik Pelajar Ke Jabatan Agama Islam Selangor

APRIL 2026 - Seramai 19 orang pelajar daripada Kolej Komuniti Kuala Langat yang mengikuti program Diploma in Sound & Lighting telah mengadakan lawatan akademik ke Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). **Edisi**



JAIS Kongsi Kepakaran Pengurusan Tauliah Mengajar Berteraskan Pendigitalan Perkhidmatan Awam

APRIL 2026 – Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) terus mengorak langkah ke hadapan sebagai peneraju dalam pengurusan Tauliah Mengajar apabila diundang berkongsi pengalaman dalam satu sesi perkongsian strategik di Hotel Grand Darul Makmur, Kuantan, Pahang. **Edisi**



JAIS Cipta Sejarah: 519 Peserta Latihan Keselamatan Masjid Catat Rekod Malaysia Book of Records

APRIL 2026 – Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) terus mengukir kecemerlangan apabila berjaya menghimpunkan kira-kira 519 peserta dalam satu latihan keselamatan dan kesihatan di masjid, sekali gus melakar pengiktirafan dalam Malaysia Book of Records bagi kategori "Most Participants In A Health & Safety Training In A Mosque". **Edisi**



Lawatan Strategik JAIS Sarawak Ke JAIS Perkasa Tadbir Urus Institusi Pendidikan Islam

MEI 2026 - Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah menerima kunjungan rasmi delegasi Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS Sarawak) dalam satu sesi lawatan kerja strategik berkaitan pelaksanaan program pemutihan Institusi Pendidikan Islam Persendirian (IPIP) di Selangor. **Edisi**



Sumber : Perbadanan Wakaf Selangor 

PWS Salur RM45,740 Naik Taraf Ruang Solat Masjid Sungai Tenggi

MEI 2026 – Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) menyalurkan sumbangan Wakaf Fisabilillah berjumlah RM45,740 kepada Masjid Sungai Tenggi, Hulu Selangor bagi tujuan penggantian bidai pemisah ruang solat. **Edisi**



PWS Salur Sumbangan Wakaf Fisabilillah Kepada SMK Jugra, Banting

MEI 2026 - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) terus komited memperkasa pembangunan institusi pendidikan melalui penyaluran Sumbangan Wakaf Fisabilillah berjumlah RM50,000 kepada SMK Jugra, Banting bagi tujuan pembinaan dataran berbumbung demi keselesaan warga sekolah dan pelajar. **Edisi**



PWS Terima Kunjungan Hormat Daripada Malaysian Institute Of Technology Academy

MEI 2026 – Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Malaysian Institute of Technology Academy (MIT Academy Sdn. Bhd.) dalam usaha memperkukuh jaringan kerjasama strategik serta meneroka potensi kolaborasi berkaitan pembangunan teknologi dan inovasi. **Edisi**



Sumber : Lembaga Zakat Selangor 

Agihan Zakat Selangor 2025 Cecah RM1.33 Bilion, Lebih 75,000 Keluarga Fakir Dan Miskin Disantuni

APRIL 2026 – Lembaga Zakat Selangor (Zakat Selangor) merekodkan agihan zakat yang telah disahkan berjumlah RM1.33 bilion bagi tahun 2025, dengan tumpuan utama kepada golongan fakir dan miskin sebagai penerima terbesar bantuan di negeri ini. **Edisi**



Kaunter Khas Zakat Selangor Dibuka Untuk Bakal Jemaah Haji Di KLIA

MEI 2026 – Zakat Selangor membuka kaunter khas zakat di Movenpick Hotel & Convention Centre KLIA bagi memudahkan bakal jemaah haji menunaikan kewajipan zakat sebelum berangkat ke Tanah Suci. **Edisi**



Kolokium Pasca Ijazah Sultan Idris Shah Zakat Selangor 2026: Platform Ilmu, Inovasi Dan Inspirasi

MEI 2026 – Penyelidikan berkaitan prestasi sosial organisasi, penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam perkhidmatan Islam serta kesihatan pekerjaan menjadi antara fokus utama dalam Program Kolokium Akademik Pasca Ijazah Sultan Idris Shah Zakat Selangor 2026 yang berlangsung di Hotel Concorde di sini. **Edisi**



Sumber : **Universiti Islam Selangor**



Sumber : **Yayasan Islam Darul Ehsan**



Sumber : **Teraju Ekonomi Asnaf SB**



Kunjungan Hormat UIS Ke MAIK Perkukuh Sinergi Demi Kecemerlangan Ummah

APRIL 2026 – Universiti Islam Selangor (UIS) terus memperkukuh jaringan strategik apabila mengadakan kunjungan hormat ke Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). **Edisi**



Kunjungan Rasmi Al Salam Foundation Ke UIS

MEI 2026 - Universiti Islam Selangor (UIS) telah menerima kunjungan rasmi daripada delegasi Al Salam International Foundation dalam satu sesi pertemuan strategik yang berlangsung di Dewan Senat, UIS. **Edisi**



YIDE Hadir Saat Duka Santuni Keluarga Mangsa Kemalangan Pemandu Mabuk

APRIL 2026 – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), Institusi Kebajikan yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menyantuni keluarga mangsa kemalangan akibat pemandu kenderaan yang memandu dalam pengaruh alkohol. **Edisi**



YIDE Hadir Menyantuni Mangsa Kebakaran Libatkan Tiga Buah Rumah Di Petaling Jaya

APRIL 2026 - Dalam sekelip mata, tiga buah keluarga diuji dengan kehilangan yang amat besar apabila kediaman mereka musnah dalam satu kejadian kebakaran di sekitar Petaling Jaya. Api yang marak bukan sahaja memusnahkan rumah, malah turut meranapkan segala harta benda serta kenangan yang dibina sekian lama. **Edisi**



Kerjasama Strategik Diperkukuh Bagi Pelaksanaan Jualan Rahmah Madani

APRIL 2026 - Seksyen Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri (PPDN) KPDN telah mengadakan sesi dialog bersama rakan strategik Program Jualan RAHMAT Madani. **Edisi**



Majlis Perasmian Projek TERAS Akuakultur

MEI 2026 – Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd. (TERAS) hari ini melancarkan Projek TERAS Akuakultur – Penternakan Ikan Tilapia, sebuah inisiatif pembangunan komuniti yang memberi fokus kepada latihan, pembangunan kemahiran dan pemeraksanaan ekonomi masyarakat, khususnya golongan asnaf, B40 dan komuniti setempat. **Edisi**



JOM BERBAHASA ARAB MUDAH!

(Siri 2/2026)



Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid
(hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah, Lembaga Zakat Selangor (LZS)

Guru adalah insan yang amat bererti dalam kehidupan setiap orang. Mereka perlu dihormati dan diberikan penghargaan. Di dalam perbualan (حوار) pada kali ini, Ahmad dan Zaid yang merupakan dua orang murid di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI), akan berbual tentang Hari Guru.

Zaid	Ahmad
وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ يَا أَحْمَدُ. نَعَمْ أَعْلَمُ! إِنَّهُ الْيَوْمَ هُوَ يَوْمَ الْمُعَلِّمِ؟	السَّلَامُ عَلَيْكُمْ يَا زَيْدُ. هَلْ تَعْلَمُ أَنَّ الْيَوْمَ هُوَ يَوْمَ الْمُعَلِّمِ؟
Walaikumussalam wahai Ahmad. Ya, saya tahu! Ia hari yang sangat gembira.	Assalamualaikum wahai Zaid. Adakah kamu tahu bahawa hari ini adalah Hari Guru?
وَأَنَا كَذَلِكَ! الْمُعَلِّمُ كَأَبِّ الرَّحِيمِ، يُنَوِّرُ عُقُولَنَا بِالْعِلْمِ وَالْأَدَبِ	أَنَا أَحَبُّ مُعَلِّمِي كَثِيرًا، لِأَنَّهُ يَعْلَمُنِي بِصَبْرٍ وَإِحْلَاصٍ
Dan saya juga begitu! Guru itu seperti bapa yang penyayang, menerangi akal kita dengan ilmu dan adab.	Saya sangat menyayangi guru saya, kerana beliau mengajar saya dengan sabar dan ikhlas.
فِكْرَةٌ رَائِعَةٌ! جَزَاهُمْ اللَّهُ خَيْرَ الْجَزَاءِ	هَيَّا بِنَا نَشْكُرُهُمْ وَنَقُولُ لَهُمْ: «كُلُّ!» «إِلَّا!» وَأَنْتُمْ بِخَيْرٍ
Idea yang bernas! Semoga Allah membalas jasa mereka dengan sebaik-baik ganjaran.	Marilah kita berterima kasih kepada mereka dan mengucapkan: "Selamat Hari Guru/Semoga setiap tahun kamu berada dalam kebaikan!"

Berikut adalah beberapa kosakata utama:

- **يَوْمَ الْمُعَلِّمِ (Yaumul Mu'allim):** Hari Guru
- **أَحَبُّ (Uhibbu):** Saya cinta / sayang
- **بِصَبْرٍ وَإِحْلَاصٍ (Bi sabrin wa ikhlas):** Dengan sabar dan ikhlas
- **يُنَوِّرُ (Yunawwiru):** Menerangi / menyinari
- **فِكْرَةٌ رَائِعَةٌ (Fikratun ra'iah):** Idea yang hebat / bernas

Selamat mencuba Bahasa Arab Mudah. Terima kasih dan jumpa lagi.
Edisi

SIRI BELAJAR JAWI

(SIRI EMPAT PULUH TUJUH)

اوليه : نورانيتا بنت عبد الرحمن
منشي ديوان (جاوي)

" ايمبوهن قبنجمن بهاس سنسكريت "

قد سيري يغ لقس، كيت ممبيچاركن فركاتان ايمبوهن اولن يغ تله دفينجم درقد بهاس سنسكريت. سباكيمان سديا معلوم، بهاس سنسكريت تله دكوناكن سجي اول مسيحي ملاوي فيبيرن اكام هيبدو-بوذا. فغكونان بهاس سنسكريت دتانه ملايو بوكن سهاج ترفاكاي اونتوق كات داسر، تتافي فغكونانن برسكالي دغن ايمبوهنن. قد ميغكو اين كيت اكن بلاجر ايمبوهن اخيرن يغ دامبيل دري بهاس سنسكريت. فوغسي ايمبوهن اين ايله منونجوقكن كأهلين، كماهيرن اتاو كفاكرن اينديويديو ترتنتنو. قاعده ايجاءنن هندقله دتوليس سرغكاي

-2 ايمبوهن براولن بهاس سنسكريت، چونتوهن:

بيبل	كات داسر	ايمبوهن بهاس سنسكريت	كات تربيتن
1.	بيدوان	يتا	بيدوانيتا
2.	سني	-من	سينمن
	بودي		بوديمن
3.	اغكاس	-ون	اغكاساون
	اولهراڠ		اولهراڠاون
	روفا		روفاون
	فوستاك		فوستاكاون
	سني		سنيواي
	اولهراڠ	-واي	سنيواي

Edisi



MARSHA LYDIA, PELAJAR CEMERLANG SPM BAIT AL-HASANAH



Ustaz Haji Muhamad Rafee Bin Rahman
(rafee.rahman@zakat.selangor.com.my)
Eksekutif Dakwah, Lembaga Zakat Selangor (LZS)

Marsha Lydia binti Marzuki merupakan seorang anak asnaf yang menetap di Asrama Bait al-Hasanah, Lembaga Zakat Selangor (LZS). Bait al-Hasanah ialah sebuah asrama yang dikhususkan untuk anak-anak asnaf fakir miskin yang berpotensi untuk dibimbing menjadi generasi cemerlang dalam akademik dan sahsiah.

Baru-baru ini, penulis berkesempatan menemu bual Marsha Lydia mengenai pengalaman serta perjalanan pendidikannya sehingga berjaya mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Boleh kongsi sedikit tentang latar belakang kehidupan Marsha Lydia?

Saya merupakan anak asnaf di bawah bantuan Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Kapar Indah (SMKSKI). Kami sekeluarga menetap di Pangsapuri Seri Perantau, Pelabuhan Klang dan saya mempunyai lima orang adik-beradik yang turut menerima bantuan pendidikan bagi meringankan beban keluarga.

Boleh kongsi pengalaman Marsha sepanjang menetap di Asrama Bait al-Hasanah?

Saya amat bersyukur kerana terpilih untuk menetap di Asrama Bait al-Hasanah yang menyediakan pelbagai kemudahan dan suasana pembelajaran yang selesa. Di sinilah saya belajar hidup berdikari, membentuk disiplin diri serta berusaha menjadi seorang Muslimah yang cemerlang dalam akademik dan sahsiah. Sepanjang tahun 2025, pihak Bait al-Hasanah telah menyediakan pelbagai program peningkatan akademik SPM seperti kelas bimbingan khas SPM, kelas intensif peperiksaan, perkampungan ilmu SPM serta program mentor-mentee bagi membantu para pelajar membuat persediaan terbaik menghadapi peperiksaan.



Apakah cita-cita Marsha pada masa hadapan?

Saya bercita-cita untuk menjadi seorang guru Matematik atau guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak agar dapat mendidik dan membimbing anak bangsa. Saya juga telah membuat permohonan ke Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Unit Pusat Universiti (UPU) bagi melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Saya berazam untuk meneruskan pengajian sehingga ke peringkat tertinggi.

Apakah nasihat Marsha kepada anak-anak asnaf yang kurang berminat untuk belajar?

Pesanan saya kepada rakan-rakan anak asnaf, jangan pernah berputus asa dalam menuntut ilmu. Teruskan belajar sehingga ke peringkat tertinggi kerana ilmu mampu mengubah kehidupan diri dan keluarga ke arah lebih baik pada masa hadapan. Pihak LZS juga sentiasa menyediakan pelbagai bentuk bantuan pendidikan bagi membantu anak-anak asnaf mencapai kejayaan.

Selain itu, saya juga sentiasa berpegang kepada beberapa amalan penting dalam kehidupan, antaranya:

1. Sentiasa menjaga solat lima waktu;
2. Membaca al-Quran;
3. Menghormati kedua-dua ibu bapa;
4. Memuliakan guru-guru;
5. Sentiasa memberi perhatian ketika berada di dalam kelas;
6. Bersegera menyiapkan tugas tanpa bertangguh; dan
7. Membantu serta berkongsi ilmu dengan rakan-rakan yang memerlukan bimbingan.

Semoga kejayaan Marsha Lydia menjadi inspirasi kepada anak-anak asnaf lain untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam pelajaran serta membina masa depan yang lebih gemilang. **Edisi**

HUKUM-HAKAM MEMELIHARA HAIWAN KESAYANGAN



Tuan Haji Mohammad Salleh bin Abdul Saha (salleh@mais.gov.my)
Ketua Bahagian Dakwah dan Daerah,
Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Dalam Islam, hukum-hakam berkaitan pemeliharaan haiwan berasaskan prinsip rahmah (kasih sayang), tanggungjawab dan mengelakkan kezaliman terhadap makhluk Allah. Secara umumnya, memelihara haiwan adalah harus, malah boleh menjadi ibadah jika dilakukan dengan baik. Allah SWT berfirman:

“Dan tidak seekor pun binatang yang melata di bumi, dan tidak seekor pun burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan mereka umat-umat seperti kamu. Tiada Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam kitab Al-Quran ini; kemudian mereka semuanya akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka (untuk dihisab dan menerima balasan).”
(Surah al-An’am: 38)

Ayat ini menunjukkan bahawa haiwan juga merupakan makhluk Allah yang mempunyai hak untuk hidup dan dipelihara dengan baik. Dalam Islam, seseorang yang memelihara haiwan wajib memberi makan, minum dan menjaga kebajikan haiwan tersebut. Rasulullah SAW bersabda:

“Seorang wanita telah diazab kerana seekor kucing yang dikurungnya sehingga mati; dia tidak memberinya makan dan tidak pula membiarkannya mencari makan sendiri.”
(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Hadis ini jelas menunjukkan bahawa **mengabaikan haiwan adalah haram** dan merupakan satu bentuk kezaliman yang boleh membawa kepada azab Allah.

Berkenaan dengan hukum membela anjing, Islam tidak mengharamkan secara mutlak, namun menetapkan beberapa garis panduan. Dalam mazhab Syafi’i, membela anjing adalah **harus jika ada keperluan**, seperti untuk menjaga keselamatan, memburu atau menjaga ternakan. Rasulullah SAW bersabda:

“Sesiapa yang memelihara anjing kecuali anjing untuk berburu, menjaga ternakan atau menjaga tanaman, maka akan berkurang pahalanya setiap hari.”
(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Hadis ini menunjukkan bahawa memelihara anjing tanpa keperluan adalah **makruh**, manakala jika ada keperluan maka ia dibenarkan. Namun begitu, umat Islam perlu menjaga hukum kebersihan kerana anjing dianggap **najis mughallazah**, yang memerlukan kaedah serti apabila terkena najisnya.

Seterusnya, berkaitan dengan **“sunatkan haiwan”** atau proses **mengasi (neutering/spaying)**, para ulama berpandangan bahawa hukumnya harus jika ada maslahat dan tujuan yang baik seperti mengawal populasi, mengelakkan penyakit, atau mengurangkan sifat agresif haiwan. Hal ini bertepatan dengan kaedah fiqh:

“Kemudaratan hendaklah dihilangkan.” (الضرر يزال)

Namun, jika dilakukan tanpa sebab yang munasabah atau menyebabkan penderitaan melampau kepada haiwan, maka ia boleh menjadi haram kerana termasuk dalam perbuatan menyiksa makhluk. Rasulullah SAW bersabda:

“Sesungguhnya Allah telah menetapkan ihsan (kebaikan) pada setiap perkara.” (Hadis riwayat Muslim)

Ini bermakna setiap tindakan terhadap haiwan mesti dilakukan dengan penuh belas kasihan dan tidak menyakitkan.


Selain itu, **mengabaikan haiwan peliharaan adalah haram secara jelas**, kerana ia bertentangan dengan ajaran Islam yang menuntut ihsan terhadap semua makhluk. Bahkan, terdapat juga hadis yang menunjukkan pahala besar bagi mereka yang berbuat baik kepada haiwan. Rasulullah SAW bersabda:

“Seorang lelaki melihat seekor anjing yang kehausan, lalu dia turun ke dalam perigi, mengisi air ke dalam kasutnya, kemudian memberi minum kepada anjing itu. Maka Allah menghargai perbuatannya lalu mengampunkan dosanya.”
(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Hadis ini menunjukkan bahawa berbuat baik kepada haiwan boleh menjadi sebab keampunan dosa.

Akhir sekali, berkaitan dengan **doktor veterinar atau merawat haiwan**, hukumnya adalah **harus dan sangat digalakkan**, malah boleh menjadi **fardhu kifayah** kerana ia memenuhi keperluan masyarakat dan menjaga makhluk Allah. Merawat haiwan adalah satu bentuk ihsan yang tinggi dan selaras dengan tuntutan agama untuk mengelakkan penderitaan. Walaupun melibatkan haiwan seperti anjing yang dihukum najis, rawatan tetap dibolehkan dengan menjaga hukum kebersihan selepasnya.

Kesimpulannya, Islam adalah agama yang sangat menitikberatkan **kasih sayang kepada semua makhluk**, termasuk haiwan. Memelihara haiwan adalah dibenarkan dan boleh menjadi ibadah jika dilakukan dengan amanah, manakala pengabaian dan kezaliman terhadap haiwan adalah berdosa. Ini membuktikan bahawa layanan kita terhadap haiwan mencerminkan iman dan akhlak seorang Muslim. **Edisi**



TABUNG INFAK JARIAH UMAH ISLAM SELANGOR

TIJARI

Merealisasi • Ekuiti • Ukhrawi



Encik Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozi, (syafiq@mais.gov.my)
Ketua Bahagian Transformasi dan Tugas Khas,
Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Tabung Infak Jariah Umah Islam Selangor (TIJARI). TIJARI merupakan tabung yang telah ditubuhkan bagi mengaunkan semua hasil kutipan infak umat Islam di Negeri Selangor, sumber hasil sewaan atau apa-apa hasil yang dikenakan dengan cara lain ke atas aset dan tanah / strata yang berada di bawah kawalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan sumbangan atau manfaat tunai daripada mana-mana pihak.

TIJARI diwujudkan bagi menggantikan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) yang telah diwujudkan sebelum ini di bawah Seksyen 9(3), Akta Tatacara Kewangan 1957. Perkara ini dilaksanakan sepertimana titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bertarikh 10 Mac 2020 berhubung penubuhan TIJARI.

VISI Merealisesi Model Infak Terbaik di Malaysia

MISI Menjadikan Ibadah Infak lebih Mudah, Dinamik, Efisien dan Berintegriti

MOTO Merealisesi Ekuiti Ukhrawi

Penerimaan sumber atau wang pendapatan TIJARI adalah melalui sumber yang berikut:

- i) Sumbangan sektor swasta/yayasan/pertubuhan/badan berkanun tempatan atau antarabangsa
- ii) Sumbangan tahunan masjid dan surau
- iii) Pungutan Khairat
- iv) Sumbangan awam melalui transaksi digital
- v) Infaq awam melalui tabung-tabung yang disediakan di mana-mana premis
- vi) Sumber hasil sewaan ke atas aset dan tanah / strata
- vii) Sumber hasil yang dikenakan dengan cara lain ke atas aset dan tanah / strata
- viii) Pelaburan / Strata
- ix) Potongan gaji daripada pegawai awam atau swasta
- x) Terimaan daripada lain-lain agensi termasuk Kerajaan atau swasta yang mahu menyumbang dan diluluskan oleh Jawatankuasa Tabung

Manfaat dana TIJARI untuk ummah khususnya di Negeri Selangor adalah seperti yang berikut:

01 Pengukuhan Akidah Ahli Sunnah Wal Jemaah (ASWJ)

Manfaat dana TIJARI digunakan bagi memperkasakan penerangan ASWJ, mempertingkatkan kefahaman ASWJ dan menangani ancaman akidah semasa dalam memelihara akidah umat Islam yang hak dan muktamad.

02 Pemerkasaan Syiar dan Keagungan Islam

- ▶ Manfaat dana TIJARI digunakan bagi membantu program pengukuhan persaudaraan Islam, membantu membiayai aktiviti penerbitan dan membantu melaksanakan keseimbangan program amar makruf nahi mungkar.

03 Pemantapan Ilmu dan Pendidikan

- ▶ Membantu pelaksanaan program intervensi dan motivasi untuk membentuk individu sebagai moderator dalam menangani permasalahan ummah setempat.

04 Pengupayaan Peranan dan Fungsi Institusi Islam

- ▶ Membiayai program-program kajian dan penyelidikan untuk kepentingan Islam dan umat Islam.
- ▶ Membiayai program latihan dan peningkatan profesionalisme pegawai awam dan guru yang berkhidmat di bawah institusi agama Islam di Negeri Selangor.

05 Pemerkasaan Agenda Kebajikan dan Keprihatinan Sosial

- ▶ Memberi bantuan segera kepada individu, keluarga dan Masyarakat meliputi keperluan asas akibat himpitan kemiskinan, tekanan dan cengkaman pihak-pihak tertentu, keperluan kecemasan akibat musibah, bencana dan malapetaka.

06 Pemberdayaan Sosio Ekonomi

- ▶ Memberi bantuan untuk mengembangkan kemahiran ke arah meningkatkan sosio ekonomi umat Islam
- ▶ Menyalurkan bantuan modal tunai atau kelengkapan asas bagi memulakan, meneruskan atau memulihkan status sosio ekonomi umat Islam

07 Perbelanjaan Lain dan Bantuan Pelbagai

- ▶ Menetapkan peruntukan tertentu bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan Tabung
- ▶ Melaksanakan apa-apa bentuk atau perbelanjaan memberikan apa-apa bantuan yang difikirkan sesuai dengan tujuan penubuhan Tabung ini.

TIJARI turut menjalankan aktiviti dan program di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

- 1 TIJARI telah berjaya mengumpul dana sumbangan untuk Palestin (Pray For Gaza) yang berjumlah lebih RM4 juta dalam tempoh 41 hari. Sumbangan telah disampaikan oleh DYMM Sultan Selangor kepada Pengarah JAKIM, YBhg. Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusof.
- 2 TIJARI melaksanakan Majlis Penyerahan Sumbangan Jentera Pengorek Kaut berjumlah RM 100,000.00. Sumbangan telah disampaikan oleh tetamu kehormat YAD Dato' Setia Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi, Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Klang, Orang Besar Daerah Klang. **Edisi**

PERKHIDMATAN BANTUAN GUAMAN SYARIE DAN KONSULTASI PERUNDANGAN



KHIDMAT NASIHAT SECARA PERCUMA

berkenaan isu perundangan Syariah dan prosiding bagi semua jenis kes *mal* di Mahkamah Syariah Negeri Selangor oleh Pegawai Syariah Majlis Agama Islam Selangor.



KHIDMAT BANTUAN GUAMAN SYARIE

perkhidmatan sebagai Peguam Syarie yang bertindak mewakili pemohon yang berkelayakan bagi kes di Mahkamah Syariah Negeri Selangor bagi 3 kategori:



IMBAS DISINI

PERCUMA

1

BANTUAN GUAMAN SYARIE KATEGORI UMUM



JENIS KES

- Perkhidmatan ini **kini dibuka** bagi semua kes *mal* di Mahkamah Syariah Negeri Selangor



SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- ✓ Warganegara Malaysia dan bermastautin dalam Negeri Selangor
- ✓ Jumlah pendapatan kasar tidak melebihi RM3,000 sebulan
- ✓ Mengisi lengkap borang permohonan yang disediakan
- ✓ Lulus temuduga penilaian kewajaran kes

2

BANTUAN GUAMAN SYARIE KATEGORI MUALLAF



JENIS KES

- Semua kes *mal* di Mahkamah Syariah Negeri Selangor



SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- ✓ Warganegara Malaysia dan bermastautin dalam Negeri Selangor
- ✓ Mengisi lengkap borang permohonan yang disediakan
- ✓ Lulus temuduga penilaian kewajaran kes

3

BANTUAN GUAMAN SYARIE KATEGORI PELAKSANAAN DAN PENGUATKUASAAN PERINTAH NAFKAH ANAK



JENIS KES

- Saman penghutang penghakiman
- Notis penghakiman



SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- ✓ Warganegara Malaysia dan bermastautin di Negeri Selangor
- ✓ Permohonan melalui Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor
- ✓ Mendapat sokongan dari Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor
- ✓ Jumlah pendapatan kasar tidak melebihi RM4,000 sebulan
- ✓ Mengisi lengkap borang permohonan yang disediakan
- ✓ Lulus temuduga penilaian kewajaran kes

Hadir terus ke alamat:

BAHAGIAN SYARIAH & BANTUAN GUAMAN SEKTOR UNDANG-UNDANG TINGKAT 6, MENARA SELATAN BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH SEKSYEN 5, 40000 SHAH ALAM

Borang permohonan boleh didapati di laman web www.mais.gov.my/bantuan-guaman-syarie-konsultasi-perundangan



WAKTU URUSAN

ISNIN SEHINGGA KHAMIS

8.30 PG - 12.30 TGH
2.30 PTG - 4.30 PTG

JUMAAT

8.30 PG - 12.15 TGH
2.45 PTG - 4.00 PTG



03-5514 3643 / 3695
010-946 0592



EDISI بدر MAIS

www.mais.gov.my

Pengambilan Pelajar Baharu

2026 Kini Dibuka

Istimewa
UNTUK ANAK
SELANGOR & PEMASTAUTIN!

Tarikh Pendaftaran :

MOHON SEKARANG!



study.uis.edu.my

Ambilan Pertama

20-21 JUN 2026

Ambilan Kedua

7-8 NOV 2026

Info Lanjut? Hubungi kami :

03 8911 7072 / 73

019 389 6937  uisrasmi

*Tertakluk terma & syarat.




YURAN PENDAFTARAN
RM500
DIBIYAI*

DISKAUN
50%
YURAN PENGAJIAN*

BANTUAN ASAS
YURAN UNIVERSITI
RM500
SETIAP SEMESTER*

RM1,000
BANTUAN ONE OFF*
HADIAH PENGAJIAN
INSTITUT PENGAJIAN TINGGI
PELAJAR BOLDH MEMOHON PADA
PENGAJIAN SEMESTER 2 (TAHUN 2)

KLINIK GUAMAN Syarie 2026

DAPATKAN KHIDMAT NASIHAT PERUNDANGAN SYARIAH SECARA **PERCUMA**

Masa Program
9.30 pagi - 1.00 petang




MEI	MRS HULU LANGAT 11.05.2026 (ISNIN)	MRS HULU SELANGOR 14.05.2026 (KHAMIS)	PAID KUALA SELANGOR 26.05.2026 (SELASA)		
JUN	PAID HULU LANGAT 08.06.2026 (ISNIN)	MRS SHAH ALAM 11.06.2026 (KHAMIS)	MRS KUALA SELANGOR 16.06.2026 (SELASA)	PAID KLANG 18.06.2026 (KHAMIS)	
JULAI	MRS PETALING 06.07.2026 (ISNIN)	PAID PETALING 07.07.2026 (SELASA)	MRS SEPANG 14.07.2026 (SELASA)	MRS GOMBAK TIMUR 15.07.2026 (RABU)	MRS KUALA LANGAT 20.07.2026 (ISNIN)
OGOS	PAID GOMBAK 03.08.2026 (ISNIN)	PAID HULU SELANGOR 04.08.2026 (SELASA)	PAID SEPANG 10.08.2026 (ISNIN)	MRS PETALING 10.08.2026 (ISNIN)	MRS SABAK BERNAM 24.08.2026 (ISNIN)
SEPTEMBER	MRS AMPANG 01.09.2026 (SELASA)	PAID KUALA LANGAT 07.09.2026 (ISNIN)	MRS KLANG 17.09.2026 (KHAMIS)		

Untuk maklumat lanjut hubungi :
Bahagian Syariah dan Bantuan Guaman, MAIS
di Talian **03-5514 3643 / 03-5514 3695**



IMBAS DISINI

*MRS (Mahkamah Rendah Syariah)
PAID (Pejabat Agama Islam Daerah)

 Majlis Agama Islam Selangor  mais_officialhq  maisgovmy

www.mais.gov.my

MAJALAH INI ADALAH SUMBANGAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (LZS)